

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Ibu _____ air hujan untuk kegunaan domestik seperti mencuci lantai dan menyiram pokok bunga.
- A menadah
 - B mengutip
 - C memungut
 - D mengangkat
- 2 Kebelakangan ini, kes buli siber semakin _____ dalam media sosial.
- A berterusan
 - B berleluasa
 - C berlarutan
 - D berpanjangan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Banyak *faedah* yang dapat kita peroleh dengan menyertai aktiviti kokurikulum.
II Kadar *faedah* yang dikenakan oleh bank ke atas hutang tertunggak kad kredit adalah tinggi.
III Orang ramai dinasihatkan agar lebih berhati-hati dengan skim kewangan yang menjanjikan pulangan tinggi dan menawarkan *faedah* menarik.
IV Encik Farid terpaksa menghentikan perniagaannya kerana tidak mendapat *faedah* yang banyak.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 4 I Ibu bapa harus *mendukung* tanggungjawab dalam membentuk akhlak anak-anak.
II Hairie Othman yang *mendukung* watak sebagai Leftenan Adnan telah menghidupkan filem tersebut.
III Ketika berkunjung ke pameran kraf tangan, Puan Mawar *mendukung* anak bongsu manakala suaminya memimpin anak sulung.
IV Remaja harus *mendukung* hasrat kerajaan untuk menjayakan misi dan program pembangunan negara.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 5 Murid-murid yang bergejala akan menjalani Ujian Kendiri COVID-19 di bawah pemantauan rapi mengikut SOP oleh guru.
 - A akan jalani
 - B akan jalankan
 - C akan menjalankan
 - D akan menjalani
- 6 Seorang dari pemain bola sepak itu terpaksa menarik diri daripada kejohanan selepas mengalami kecederaan di leher akibat kemalangan.
 - A Seorang daripada pemain
 - B Seorang dari pemain-pemain
 - C Seorang daripada pemain-pemain
 - D Seorang dari pemain

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- 7
 - I Sukan yang awak gemari apa?
 - II Dalam kelas kami, dialah yang paling handal.
 - III Muka saya pucat lesi selepas melihat kemalangan ngeri itu.
 - IV Ibu-ibu bapa berperanan dalam menghadkan tempoh anak-anak melayari media sosial.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8
 - I Berpuluh orang tetamu yang mengalami keracunan makanan telah dihantar ke hospital.
 - II Adalah dimaklumkan bahawa sekolah akan ditutup kerana masalah jerebu.
 - III Tabiat pemakanan kanak-kanak menjadi punca obesiti.
 - IV “Alahai, lambat betul komuter tiba!” rungut Hafizah.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Pengalaman dan pengetahuan yang amat berguna dapat diperoleh murid melalui lawatan sambil belajar ke Melaka.
 - A Di samping pengetahuan tentang Melaka, murid juga mendapat pengalaman yang amat berharga.
 - B Pengalaman dan pengetahuan yang amat berharga tentang lawatan sambil belajar ke Melaka akan diperoleh para murid.
 - C Memperoleh pengalaman dan pengetahuan amat penting kepada murid yang menyertai lawatan sambil belajar ke Melaka.
 - D Melalui lawatan sambil belajar ke Melaka, para murid bukan sahaja memperoleh pengetahuan bahkan pengalaman yang amat berharga.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Amira sentiasa berhati-hati dan cermat ketika memandu. Tindakan Amira ini diibaratkan
- A biar lambat asalkan selamat.
 - B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - C baik berjagung-jagung, sementara padi belum masak.
 - D orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

“Lim Meng.”

“Mama.”

Mereka berpelukan. Rindu yang sangat mendalam terubat. Semasa berpelukan, Lim Meng dapat merasakan ada sebatang tubuh yang lemah berdiri di belakang mereka.

“Lim Meng.” Sayu Lim Pooi memanggil nama anaknya. Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja. Kali ini tentu diparang kepalanya jika dia menjejakkan kakinya di rumah itu.

“Tunggu, Lim Meng.” Lim Meng berhenti melangkah. Dia memalingkan mukanya ke belakang.

“Maafkan papa.”

Lim Meng *tidak tega lagi* menyimpan dendam. Dendam itu suatu penyeksaan. Namun, apabila memikirkan tindakan yang pernah dibuat oleh papanya dia merasakan bahawa papanya ialah orang yang paling kejam di dunia ini.

“Betul, Lim Meng. Maafkan papa kamu.” Sim Pau cuba masuk campur.

Lim Meng menahan sebak di dadanya. Air matanya mula membanjiri pipinya. Lim Meng berlari-lari anak dan merangkul tubuh Lim Pooi. Mereka berdakapan. Setelah sekian lama, itulah kali pertama Sim Pau melihat air mata Lim Pooi jatuh kerana Lim Meng.

“Eh, mama ada buat kuih bakul?”

“Belum. Belum lagi,” jawab Sim Pau sambil menyeka air mata kegembiraan yang turun mencurahkan di pipi.

“Esok dah nak raya.”

“Kita buat sama-samalah.”

Dipetik daripada cerpen ‘Kuih Bakul Limau Mandarin’,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Apakah maksud frasa *tidak tega lagi*?

- A Tidak sampai hati.
- B Tidak berupaya lagi.
- C Tidak sanggup menderita lagi.
- D Tidak mahu mengalami kesusahan.

12

Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja.

Apakah bandingan semacam yang sesuai dengan perwatakan Lim Pooi?

- A Keras macam batu.
- B Degil macam keldai.
- C Zalim macam Firaun.
- D Garang macam harimau.

13

Mereka berpelukan. Rindu yang sangat mendalam terubat.

Apakah nilai yang jelas terdapat pada baris ayat di atas?

- A Keinsafan
 - B Ketaatan
 - C Keberanian
 - D Kasih sayang
- 14 Antara yang berikut merupakan sebab Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar, **kecuali**
- A papanya tidak suka akannya.
 - B Lim Meng memarahi papanya.
 - C papanya pernah bertindak kejam terhadapnya.
 - D papanya boleh berbuat apa-apa sahaja jika dia menjejakkan kakinya di rumah itu.
- 15 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?
- A Sim Pau begitu gembira menyambut kepulangan Lim Meng.
 - B Lim Pooi berasa menyesal dan meminta maaf daripada Sim Pau.
 - C Lim Meng terus mahu beredar dari rumah sebaik sahaja melihat Sim Pau.
 - D Lim Pooi tidak membenarkan Lim Meng menjejakkan kaki di rumah meskipun dipujuk oleh Sim Pau.